

PM: AS tidak adil terhadap Arafat

UM 15 JUL 2002

PUTRAJAYA 14 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan Amerika Syarikat (AS) mengisytiharkan persona non grata terhadap Presiden Palestin, Yasser Arafat adalah tidak adil.

Menurut Perdana Menteri, tindakan tersebut jelas menggambarkan sikap berat sebelah negara kuasa besar dunia itu terhadap pemimpin tertentu.

Katanya, Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon yang telah membunuh ramai rak-

yat Palestin lebih layak menerima status tersebut, tetapi tidak pula diisytiharkan. Sebaliknya, tegas beliau, Sharon diterima sebagai Tokoh Keamanan.

“Saya tidak bersetuju nak isytihar satu pemimpin lain sebagai persona non grata sedangkan pemimpin seperti Sharon, pembunuh begitu ramai orang, diterima sebagai Man of Peace,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penghargaan Le Tour de Langkawi (LTdL)

2002 dan pelancaran LTdL 2003 di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan Setiausaha Negara AS, Colin Powell mengisytiharkan persona non grata terhadap Arafat dan menolak rayuan pemimpin itu untuk menamatkan pencerobohan semula Israel di Tebing Barat.

Persona non grata membawa maksud tidak diperlukan dan biasanya digunakan dalam dunia diplomatik.

Sebelum itu, Arafat telah

mengutus surat kepada Powell mengenai langkah yang akan diambil oleh Palestin jika tentera Israel enggan berundur, tetapi Powell dilaporkan tidak bercahaya untuk membalas surat tersebut.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak faham bagaimana AS boleh membezakan antara Arafat dan Sharon dalam mengisytiharkan status itu.

Katanya, jika Arafat tidak boleh diterima oleh pentadbiran AS, Sharon juga tidak boleh diterima.